

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22/09/2017

Ketegasan Najib tarik perhatian dunia

BH-22/9/2017 PG-2

➔ Presiden AS mahu PBB ambil tindakan tegas, segera tamatkan keganasan di Rohingya

Oleh Nazura Ngah dan Rohaniza Idris
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kelantangan dan ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memperjuangkan isu kemanusiaan masyarakat Rohingya di Myanmar membuka mata dunia untuk bersama-sama mendesak penderitaan mereka dihentikan segera.

Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Majlis Profesor Negara, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata tindakan Perdana Menteri yang membangkitkan isu itu kepada pemimpin dunia melalui saluran diplomatik dengan pertemuan empat mata berjaya membuka mata mereka terhadap krisis ini.

Katanya, keberanian Najib membangkitkan isu kemanusiaan itu walaupun mendapat bantahan Myanmar yang menyatakan kes berkenaan adalah isu dalaman juga satu kredibiliti yang meyakinkan dunia untuk bersama-sama Malaysia membela nasib etnik itu yang tertindas.

"Tindakan Perdana Menteri mendahului ASEAN dalam krisis kemanusiaan itu juga menyedarkan kuasa dunia bahawa apa yang

dinyatakan Malaysia itu serius, bukan tindakan mahu campur tangan isu dalaman negara lain.

"Kelantangan Malaysia juga mendapat liputan media massa dunia apabila saluran berita antarabangsa kini mula membuat liputan di Rakhine dan sempadan Myanmar Bangladesh.

"Terbaharu Aung San Suu Kyi dalam kenyataannya menyatakan komitmen untuk menyelesaikan masalah di Rakhine walaupun beliau masih berdolak-dalik berhubung isu berkenaan," katanya kepada BH mengulas reaksi dunia terhadap isu Rohingya selepas Malaysia memperjuangkan isu kemanusiaan ini.

AS keluar amaran keras

Amerika Syarikat (AS) dilaporkan bersetuju mengeluarkan kenyataan keras berhubung keganasan terhadap etnik Rohingya selepas diberi gambaran sebenar situasi krisis itu oleh Malaysia.

Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump dilaporkan mahu Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengambil tindakan tegas dan segera menamatkan keganasan ke atas Muslim Rohingya di Myanmar.

Naib Presiden AS, Mike Pence, menyampaikan pendirian Trump itu pada mesyuarat Majlis Kese-

lamatan PBB dan mengisytiharkan krisis itu sebagai ancaman kepada dunia.

Pada pertemuan di Rumah Putih minggu lalu, Najib dilaporkan berkata, beliau berjaya membangkitkan kesedaran Trump berhubung krisis itu apabila mengarahkan pegawai-nya mengkaji bentuk bantuan kemanusiaan kepada mangsa keganasan.

Pada pertemuan Najib dengan Perdana Menteri Britain, Theresa May selepas itu, kedua-dua negara turut mencapai kata sepakat bahawa masyarakat antarabangsa harus mencari penyelesaian untuk mengakhiri krisis yang semakin meruncing itu.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri Britain turut mengesahkan negaranya akan menghantar bantuan kemanusiaan kepada masyarakat Rohingya.

Hari ini, Presiden Perancis, Emmanuel Macron menyifatkan serangan Kerajaan Myanmar terhadap etnik minoriti Rohingya adalah genosid (pembunuhan beramai-ramai).

Sementara itu, pakar geostrategis, Azmi Hassan, berkata suara Perdana Menteri dalam isu penindasan etnik Rohingya dilakukan atas dasar kemanusiaan dan mendapat perhatian pemimpin dunia yang akur bahawa Malaysia tidak mempunyai

sebarang kepentingan secara langsung dalam isu berkenaan.

Beliau berkata, dasar luar berkecuali dan tidak berat sebelah yang diamalkan pemimpin negara selama ini menyebabkan kuasa besar amat menghargai pendirian Malaysia.

Beri tekanan kepada Myanmar

Katanya, Najib sering menggunakan peluang bertemu dengan pemimpin dunia untuk berbincang mengenai isu Rohingya dan strategi seperti itu terpaksa digunakan kerana masyarakat antarabangsa begitu jauh dengan isu berkenaan sehingga menyebabkan tekanan terhadap kerajaan Myanmar masih di tahap minimum.

"Apa yang dilakukan Perdana Menteri ketika ini adalah menongkah arus diplomasi ASEAN dan antarabangsa. Namun menariknya, setiap pemimpin antarabangsa yang ditemui Perdana Menteri akur dengan kekejaman yang berlaku di Rakhine.

"Presiden Trump umpamanya mengarahkan White House (Rumah Putih) mengeluarkan kenyataan yang lebih keras.

"Isu ini akan hanya dapat di selesaikan jika pemimpin kuasa besar campur tangan dan ini yang Perdana Menteri lakukan," katanya.

